

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمَرْسُلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى الْأَئْمَاءِ
وَصَحْبِهِ اجْمَعِينَ، وَبَعْدَ

AGAMA SEBAGAI BERKAT BAGI UMAT MANUSIA

PENDAHULUAN

Manusia itu sangat berhajat pada ugama yang boleh memimpin akal dan pengetahuan, supaya beriman pada wujud keEsaan Allah Ta’ala, tiada ada kuasa yang sebenar, hanya kuasa Allah dan tiada milik hanya milik Allah, yang selain daripada itu semuanya makhluk Allah dan pemberian Allah yang datang daripadanya. Allah berkuasa membangkitkan manusia selepas mematikan dan menghitung amalan baik dan jahat serta membalaaskan yang baik dengan ganjaran pahala dan membalaaskan yang jahat dengan azab sengsara.¹

Allah menciptakan manusia itu adalah untuk menjadi khalifahNya di atas muka bumi ini. Allah Subhanahu wa Ta’ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 30:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيلًا

Tafsirnya: "Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi".

Dalam ayat ini, Allah Ta’ala memberitahu para Malaikat bahawa Dia akan menjadikan manusia sebagai khalifahNya untuk tujuan memakmurkan alam yang luas.

Oleh itu, manusia itu mestilah mempunyai sesuatu ugama yang betul yang boleh mengatur kehidupan manusia agar manusia itu tidak berlaku zalim dan tidak menindas orang yang lemah. Ugama boleh memimpin manusia serta memberi panduan dan pandangan tentang diri manusia, tentang alam yang luas terbentang ini, tentang kehidupan dan tentang keadaan manusia selepas dari kehidupan di dunia ini.

Itulah Islam ugama yang mentauhidkan Allah, patuh, tunduk dan jujur hati kepadaNya serta beriman dengan ajaran Allah yang dibawa oleh Nabi Muhammad Shallallahu ‘Alaihi Wasallam daripada Allah Subhanahu wa Ta’ala.²

¹ *Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah (1)*, Pusat Da’wah Islamiah, Negara Brunei Darussalam, 1986, hlm. 7-8.

² *Manusia dan Islam*, Kuala Lumpur, Edisi Khas, 2003, hlm. 17.

Islam adalah agama yang direhsti oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. FirmanNya:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ (آل عمران، الآية: 19)

Tafsirnya: "Sesungguhnya agama (yang benar dan direhsti) di sisi Allah ialah Islam".

Firman Allah lagi:

وَرَضِيَتِ لَكُمُ الْإِسْلَامُ دِينًا (المائدة، الآية: 3)

Tafsirnya: "Dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agamamu".

Dan firmanNya lagi:

وَمَنْ يَتَّبِعْ عَيْرَ الْإِسْلَامِ فَلَنْ يُفْلِتَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ (آل عمران، الآية: 85)

Tafsirnya: "Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari Akhirat kelak dari orang yang rugi".

Islam sebagai agama kesejahteraan yang sesuai di setiap tempat, masa dan keadaan, yang menawarkan kehidupan yang lebih baik dan penuh keberkatan kepada seluruh manusia, jika difahami roh dan falsafah pensyariatannya. Bahkan jika disebarluaskan dan disampaikan dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan terutama dalam melaksanakan dasar penjagaan *maqashid syari'ah*, pasti akan diterima oleh semua manusia, termasuk mereka yang bukan beragama Islam, kerana Islam adalah agama Allah yang dibawa oleh Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam itu merupakan satu rahmat kepada seluruh alam.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ (الأنبياء، الآية: 107)

Tafsirnya: "Dan tiadalah Kami mengutuskan kamu, melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam".

PENGERTIAN BERKAT

Berkat berasal dari perkataan Arab 'barakah' بَرَكَةٌ. Dari segi bahasa, 'barakah' bererti perkembangan, pertambahan dan bahagia atau gembira.³

Dalam Kamus Bahasa Melayu Nusantara, berkat ialah kurnia atau rahmat Allah Subhanahu wa Ta'ala yang membawa kebaikan dalam kehidupan manusia.⁴

Imam an-Nawawi Rahimahullah berkata bahawa asal makna 'barakah' atau berkat itu ialah kebaikan yang banyak dan tetap.⁵

Di samping pengertian tersebut, 'barakah' juga membawa erti makmur, bernasib baik dan untung.

Apabila diperhatikan semua pengertian yang diberikan, ia mempunyai makna yang hampir sama, salah satunya merujuk kepada salah satu yang lain. Umpamanya, kebahagiaan adalah sebahagian daripada kebaikan. Demikian juga keuntungan dan pertambahan.

Berkat merupakan kurnia Allah Subhanahu wa Ta'ala yang diletakkan ke atas setiap sesuatu yang Dia kehendaki.

Adanya berkat pada sesuatu bererti adanya kebajikan yang menyertai sesuatu, umpamanya berkat dalam waktu, banyak kebajikan yang dapat terlaksana pada waktu itu yang biasanya tidak dapat menampung sebanyak aktiviti baik itu.

Begitu juga umpamanya berkat pada makanan, adalah cukupnya makanan yang sedikit untuk mengenyangkan orang banyak yang biasanya tidak cukup untuk orang sebanyak itu.⁶

BERKAT ADALAH KURNIAAN ALLAH

Keberkatan itu pada hakikatnya adalah kebaikan kurniaan Allah Subhanahu wa Ta'ala, berapa ramai yang sanggup berlumba-lumba untuk mendapatkan keberkatan dan menjadikannya sebagai matlamat hidup.

Firman Allah Ta'ala:

وَلَئِنْ أَهْلَ الْفُرْقَىٰ آمَنُوا وَأَنْقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ (الأعراف: 96)

³ Ibrahim Mustafa, Ahmad Az-Ziat, Hamid Abdul Qadir, Muhammad An-Najjar, *Al-Mu'jam Al-Wasith*, Dar Ad-Da'wah, Juz 1, hlm. 52.

⁴ *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei, cetakan pertama, 2003, hlm. 312.

⁵ Jabatan Mufti Kerajaan, *Irsyad Hukum 2014*, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

⁶ M.Quraish Shihab, *Tafsir Al-Mishbah*, Lantera Hati, Jakarta, 2002, Jilid 4, hlm. 189.

Tafsirnya: "Dan Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami bukakan kepada mereka keberkatan dari langit dan bumi".

Siapakah yang menurunkan keberkatan dari langit dan mendatangkan keberkatan dari bumi ? Tentunya Allah, Tuhan pemilik sekalian alam.

Menurut *Tafsir al-Maraghiy* bahawa berkat dari langit itu ialah memuatkan ilmu pengetahuan ke dalam akal berdasarkan wahyu dan anugerah yang berupa ilham, begitu juga hujan dan yang lainnya yang menyebabkan kesuburan dan timbulnya kekayaan di muka bumi. Manakala berkat dari bumi itu pula kesuburan, hasil galian dan lain-lain.⁷

Kata *fatahna* yang diterjemahkan dengan *Kami bukakan (limpahkan)*, pada hakikatnya bermakna menyingkirkan penghalang yang mencegah sesuatu untuk masuk. Jika Allah menyingkirkan penghalang, maka itu bererti pintu akan terbuka bagi segala macam kebajikan dan masuk melimpah ruah melalui pintu itu.⁸

RASULULLAH MEMOHON KEBERKATAN

Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam sendiri mendoakan para sahabat agar dikurniakan berkat dan memimpin umat Islam untuk selalu berdoa agar dikurniakan berkat dalam setiap perkara yang baik. Antaranya doa Baginda Shallallahu 'Alaihi Wasallam sebagaimana yang diriwayatkan dari Abu Hurairah Radhiallahu 'anhу, beliau berkata:

كَانَ النَّاسُ إِذَا رَأَوُا أَوْلَى الشَّتْرِ حَاجَوْا بِهِ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَإِذَا أَخْدَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي مَرِنَا وَبَارِكْ لَنَا فِي صَاعِنَا وَبَارِكْ لَنَا فِي مَدْنَا. (رواه
مسلم)

Mafhumnya: "Orang-orang (penduduk Madinah) apabila melihat buah pertama, mereka membawanya kepada Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam, lalu Baginda mengambilnya seraya berdoa: Ya Allah, berkatilah kami (melalui) buah kami, berkatilah kami (melalui) bandar kami, berkatilah kami (melalui) sha' (gantang) kami dan berkatilah kami (melalui) mudd (cupak) kami." (Hadits riwayat Muslim)

Kemudian Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam akan memanggil anak paling kecil yang ada ketika itu dan memberikan buah itu kepadanya.

⁷ Ahmad Mustafa al-Maraghiy, *Tafsir Al-Maraghiy*, Mesir, Juz 9, hlm. 14.

⁸ M.Quraish Shihab, *Tafsir Al-Mishbah*, Jilid 5, hlm. 178.

TUNTUTAN MENCARI BERKAT

Pada hakikatnya ruang lingkup berkat itu sangat luas dan meliputi berbagai aspek kehidupan sebagaimana yang disebutkan dan dapat difahami dari Al-Qur'an dan hadith, umpamanya berkat pada harta, makanan, ilmu, umur, waktu dan sebagainya.

Kita bawakan contoh, berkat pada rezeki, harta dan makanan.

Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam pernah mengajar seorang sahabat dengan memberikan satu contoh perumpamaan yang menunjukkan bahawa sesungguhnya harta kekayaan yang banyak itu apabila hilang atau kosong daripada berkat, tidak akan memberi apa-apa kepuasan dan hanyalah sesuatu yang sia-sia.

Sepertimana disebutkan dalam satu riwayat:

أَنَّ حَكِيمَ بْنَ حِزَامَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَعْطَانِي، ثُمَّ سَأَلْتُهُ، فَأَعْطَانِي، ثُمَّ سَأَلْتُهُ، فَأَعْطَانِي، ثُمَّ قَالَ: "يَا حَكِيمُ، إِنَّ هَذَا الْمَالَ خَضِرَةٌ خَلْوَةٌ، فَمَنْ أَخْدَهُ يُسْخَأُوْهُ نَفْسٌ بُورَكَ لَهُ فِيهِ، وَمَنْ أَخْدَهُ يُإْشَرَافٍ نَفْسٌ لَمْ يُبَارِكْ لَهُ فِيهِ، كَالَّذِي يَأْكُلُ وَلَا يَشْبُعُ". (رواه البخاري)

Maksudnya: Sesungguhnya sahabat yang bernama Hakim bin Hizam Radhiallahu 'anh telah berkata: "Aku telah meminta sesuatu daripada Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam, lalu Baginda memberinya padaku, kemudian aku meminta lagi, Baginda juga memberikannya padaku, kemudian aku meminta lagi, lalu Baginda juga memberikannya padaku, lalu Baginda bersabda: "Wahai Hakim, sesungguhnya harta ini adalah seperti buah-buahan menghijau yang subur, enak dan disukai. Barangsiapa yang mengambilnya dengan jiwa yang zuhud (tidak rakus dan meminta-minta), nescaya akan diberkati baginya harta itu. Manakala barangsiapa yang mengambilnya dengan rasa tinggi diri maka tidak ada berkat padanya sebagaimana orang yang makan tetapi tidak kenyang." (Hadits riwayat al-Bukhari)

Dalam hadits berkenaan, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam memberikan contoh harta, agar mudah difahami.

Pertama: Diumpamakan harta itu dengan buah-buahan manis dan enak yang setentunya disukai dan diingini oleh setiap orang.

Kedua: Diumpamakan harta yang berlimpah ruah yang kosong daripada berkat itu dengan perbuatan makan dengan banyak tetapi tidak merasa puas atau kenyang.

Tujuan utama seseorang untuk makan tidak lain hanyalah untuk mengenyangkan perut atau menghilangkan rasa lapar. Namun apabila dia makan

dengan banyak, tetapi masih tidak kenyang, maka perbuatan tersebut hanyalah sesuatu yang sia-sia dan tidak memberi sebarang faedah maupun keuntungan.

Adapun makanan yang berkat itu adalah yang dihasilkan dengan mengikut adab yang disyari'atkan seperti dimulai dengan *Basmalah*. Tidak semestinya makanan itu dalam kuantiti yang banyak dan berbagai jenis. Oleh itu, sunat hukumnya dimulai makan dan minum dengan bacaan *Basmalah*.⁹

Bahkan sebagai seorang Islam, setiap pekerjaan yang hendak dilakukan seharusnya dimulakan dengan *Basmalah*, dengan harapan agar mendapat keberkatan dari Allah Subhanahu wa Ta'ala, mana-mana pekerjaan yang tidak dimulai dengan *Basmalah* akan kuranglah keberkatannya.

Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda:

كُلُّ أَمْرٍ ذِي بَالٍ لَا يُبَدِّلُ فِيهِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ أَفْطَعَ¹⁰

Mafhumnya: "Setiap urusan yang besar yang tidak dimulai dengan Bismillahirrahmanirrahim maka ia terputus (dari keberkatan)".

Hakikat Zuhud

Di sini ingin kita menyentuh mengenai dengan sifat zuhud. Sesetengah orang ada yang tersilap memahami mengenai dengan maksud zuhud, ada yang mengatakan bahawa zuhud itu adalah menolak dunia. Zuhud yang dianjurkan oleh Islam bukanlah mengharamkan kebaikan-kebaikan kehidupan dunia, menolak amal usaha dan meningkatkan taraf hidup sebagaimana yang difahami oleh kebanyakan orang. Tetapi zuhud itu ialah memiliki kebaikan-kebaikan dunia dan kekuatan jiwa yang dapat mengawal fitnah-fitnah keinginan dan keelokan dunia, disebabkan oleh rangsangan kehidupan di akhirat.

Orang yang zuhud itu ialah orang yang memiliki kehidupan dunia di tangannya, dengan maksud dia yang mempermainkan dunia, bukan dunia yang mempermainkannya. Dunia yang menghendakinya, bukan dia yang menghendaki dunia. Dunia baginya adalah sebagai alat yang berada di genggamannya yang digunakan untuk mendapatkan kebaikan hidup di akhirat.

Imam Al-Ghazali ada menjelaskan mengenai dengan zuhud itu: "Bukanlah orang yang zuhud itu orang yang tiada berharta, tetapi orang yang zuhud itu ialah orang yang tiada dibimbangkan oleh hartanya sekalipun harta seluruh alam ini kepunyaannya belaka".¹¹

⁹ Jabatan Mufti Kerajaan, *Irsyad Hukum 2014*, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

¹⁰ Al-'Azim Aabadi, *'Aun Al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud*, Al-Madinah Al-Munawwarah, 1388H/1968M, Juz 9, hlm. 2122.

¹¹ Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, *Ihya Ulumiddin*, Dar al-Kutub al-'Ilmiah, Beirut, Juz 4, hlm. 230.

IMAN DAN TAQWA SYARAT MENDAPATKAN BERKAT

Dibawakan lagi firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam Surah Al-'Araf ayat 96:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرْبَىٰ آمَنُوا وَاتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ (الأعراف : 96)

Tafsirnya: "Dan Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami bukakan kepada mereka keberkatan dari langit dan bumi".

Berdasarkan ayat tersebut, dapat difahamkan bahawa syarat untuk memperolehi keberkatan yang dilimpahkan oleh Allah itu adalah berdasarkan kepada sikap penduduk sesebuah negara yang beriman dan bertaqwa.

Iman

Hakikat beriman itu ialah kepercayaan yang meresap di dalam hati dengan penuh keyakinan yang tidak bercampur syak dan ragu serta memberi pengaruh bagi pandangan hidup dan tingkah laku dalam perbuatan sehari-hari. Ini adalah kerana iman yang sempurna dan sebenar-benarnya terbentuk daripada tiga rangkaian utama; membenarkan dalam hati (التصديق بالقلب), mengikrarkan dengan lidah (الإقرار باللسان), dan membenarkan dengan perbuatan (العمل بالتكليف).

Apabila kita melihat dalam Al-Qur'an ayat-ayat yang membicarakan mengenai iman, pasti kita akan mendapati perkataan iman itu berganding dengan perkataan amal (perbuatan). Ini menunjukkan bahawa iman itu tidak akan sempurna jika hanya membenarkan di dalam hati tanpa ada perbuatan-perbuatan atau amalan-amalan yang melambangkan kepada keimanan kerana amal itu adalah sebahagian daripada iman dan tidak dapat dipisahkan bagi membentuk keimanan yang sempurna. Amal perbuatan pula tidak memadai dengan semata-mata amal, melainkan yang dikehendaki ialah amal salih, dengan erti yang luas iaitu memberikan kebaikan dunia dan akhirat kepada diri dan masyarakat, yang mana tujuannya yang asas sekali adalah untuk mencari keredhaan Allah.

Kombinasi di antara dua unsur tersebut; iman dan amal, di mana iman akan melahirkan ketenangan dan kebahagian jiwa dan amal pula ialah usaha untuk mendapatkan rezeki-rezeki kurniaan Allah di dunia yang akan melahirkan ketenangan dan kebahagian fizikal serta perasaan merasa cukup terhadap apa yang dikurniakan Allah kepadanya, maka akan lahirlah kehidupan yang baik dan berkualiti, ini adalah berkat adanya keimanan dan amalan.

Firman Allah Ta'ala:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُخْسِنَهُ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنُخَزِّنَهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَخْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (سورة النحل: 97)

Tafsirnya: "Sesiapa yang beramal salih, dari lelaki atau perempuan sedang ia beriman, maka sungguh Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalaas mereka, dengan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan".

Ini adalah janji Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada hamba-hambaNya yang beramal salih iaitu beramal mengikut ajaran Al-Qur'an dan Sunnah NabiNya Shallallahu 'Alaihi Wasallam serta beriman dengan Allah dan RasulNya. Iaitu janjiNya akan memberikan kepada mereka (kehidupan yang berkualiti), di samping akan membalaas kepada mereka dengan balasan yang terbaik di akhirat kelak terhadap apa yang telah mereka lakukan.

Menurut pentafsiran Ibnu Katsir, kehidupan yang baik (berkualiti) itu ialah kententeraman jiwa daripada sebarang gangguan, walau dari mana juga datangnya gangguan itu.

Menurut satu pentafsiran yang diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas dan satu jemaah daripada ahli tafsir pula; kehidupan yang baik ialah mendapat rezeki yang halal lagi baik dalam hidup di dunia ini.

Sayyidina Ali bin Abi Thalib Radhiallahu 'anhu pula mentafsirkan kehidupan yang baik itu ialah *qana'ah* iaitu perasaan tenang, perasaan cukup dan sabar pada apa yang diberikan Allah dengan tidak merasa gelisah.

Menurut satu tafsiran lagi daripada Ali bin Abi Thalhah daripada Ibnu 'Abbas Radhiallahu 'anhuma, kehidupan yang baik itu ialah *as-sa'adah* (merasa bahagia)¹²

Taqwa

Taqwa merupakan buah daripada iman. Iman dan taqwa merupakan satu kesatuan yang teguh. Seorang yang benar-benar beriman adalah orang yang bertaqwa. Darjah kemuliaan yang tinggi diberikan oleh Allah kepada orang yang paling bertaqwa.

Firman Allah Ta'ala:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتُقَاتُكُمْ (سورة الحجّرات، الآية: 13)

¹² Abu Al-Fida Ismail bin Umar bin Katsir (700-774H), *Tafsir Ibnu Katsir*, Dar Thayyibah, 1420 / 1999, Juz 4, hlm. 601.

Tafsirnya: "Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu".

Imam Al-Qurthubi dalam kitabnya *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* telah memberikan makna taqwa itu ketika mentafsirkan ayat 13 Surah Al-Hujurat, yang maksudnya: *"Dan taqwa itu maknanya, memelihara hukum-hukum Allah perintah dan larangan, memiliki sifat dengan apa yang diperintahkan Allah kepadamu untuk bersifat dengannya dan menjauhi dari apa jua yang dilarangNya daripada melakukannya"*.¹³

Erti taqwa yang selalu digunakan ialah takut kepada Allah dengan melaksanakan segala yang wajib dan meninggalkan segala yang haram. Perlaksanaan ini tetap disempurnakan dengan tidak memilih waktu dan tempat, kerana taqwa menurut perintah Rasulullah, hendaklah dilakukan di mana saja seorang itu berada. Sabda Baginda:

إِنَّ اللَّهَ حُسْنَمَا كُنْتَ. (رواه الترمذی)

Mafhumnya: "Bertaqwalah kepada Allah di mana saja engkau berada. (Riwayat at-Termidzi).

Dalam al-Quran banyak ayat-ayat yang menegaskan faedah taqwa kepada Allah. Di antaranya, ada yang menyatakan untuk menyingkirkan diri dari api neraka, untuk menempatkannya dalam syurga, untuk memperbaiki amalan serta menghapuskan dosa, untuk mencapai kejayaan dan kemenangan, untuk mendapat peliharaan dan perlindungan dari seteru, untuk melepaskan diri dari kepayahan dan memperolehi rezeki yang halal.

Allah berfirman dalam Surah at-Thalaq, ayat 2-3:

وَمَنْ يَتَقَى اللَّهَ يَجْعَلُ لَهُ مُخْرِجًا * وَيَرْزُقُهُ مِنْ حِينْ لَا يَخْتَبِسُ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ

Tafsirnya: "Barangsiapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan ke luar (dari masalah). Dan memberinya rezeki dari arah yang tiada disangka-sangkanya. Dan barangsiapa yang bertawakkal kepada Allah nescaya Allah akan mencukupkan (keperluan) nya."

Menurut ulama, maksud ayat al-Qur'an di atas yang tafsirnya: *"Dan memberinya rezeki dari arah yang tiada disangka-sangkanya"* itu ialah memberi berkat ke atas setiap apa yang diberi. Ibnu 'Uyainah Rahimahullah dalam mentafsir ayat di atas berkata bahawa yang dimaksudkan dengan rezeki itu adalah berkat.¹⁴

¹³ Al-Qurthubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad Al-Anshari, *Al-Jami' li Ahkam Al-Qur'an*, Dar Al-Fikr, 1993/1414, Juz 8, hlm. 312.

¹⁴ Jabatan Mufti Kerajaan, *Irsyad Hukum 2014*, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Menurut keterangan ahli tafsir, ayat tersebut diturunkan berhubung dengan suatu peristiwa di mana seorang sahabat 'Auf bin Malik Ashjai'e telah mengadu kepada Rasulullah mengenai hal anaknya yang telah ditawan musuh. Rasulullah menyuruh supaya ia bersabar dan ia pun bersabarlah. Tidak berapa lama kemudian, anaknya berjaya melarikan diri dari tangan musuh, dan terus pulang dengan membawa beberapa ekor kambing yang diambil dari kumpulan kambing kepunyaan musuh yang telah menawannya. Maka dengan kepulangan anaknya, gembiralah hatinya serta beruntung dengan mendapat rezeki yang dia tidak sangka-sangka datangnya. Inilah salah satu dari kelebihan atau faedah taqwa dengan sifat sabar.¹⁵

Hakikat taqwa itu sebenarnya mengandungi segala yang telah dibawa oleh Islam daripada aqidahnya, ibadahnya, muamalahnya dan akhlaknya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala:

لَيْسَ الْبَرُّ أَنْ تُؤْلِمُ وُجُوهَكُمْ قَبْلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبَرُّ مَنْ آتَى اللَّهَ مَا إِنَّمَا يُرِيدُ الْأَخِيرَ وَالْمَلَائِكَةُ وَالْكِتَابُ وَالثَّيْمَ وَآتَى الْمَالَ عَلَى حُبَّهِ ذَوِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرَّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَةَ وَالْمُؤْمِنُونَ بِعَهْدِهِنَّ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْأَسْاءَ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْأُبُسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ. (سورة البقرة، الآية: 177)

Tafsirnya: "Bukanlah semata-mata suatu kebijakan itu menghadapkan wajah kamu ke arah timur dan barat, akan tetapi sesungguhnya kebijakan itu ialah beriman kepada Allah, hari akhirat, malaikat-malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta; dan (memerdekaan) hamba sahaya, mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat; dan orang-orang yang menepati janjinya apabila ia berjanji, dan orang-orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar (imannya); dan mereka itulah orang-orang yang bertaqwa".

MENDAULATKAN ISLAM MEMBAWA BERKAT KEPADA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Negara Brunei Darussalam sebahagian besar penduduk dan rakyatnya adalah beragama Islam. Maka nilai agama Islam berperanan dalam membentuk masyarakat Brunei mencapai pembangunan umatnya hingga ke hari ini. Ini kerana hukum dan syari'at Islam memandu dan memimpin sekalian umat manusia sesuai dengan semua keadaan. Segala peraturan dan undang-undang Allah Subhanahu wa Ta'ala penuh dengan keadilan, kebenaran, keselamatan, keberkatan dan suci dari sebarang pengaruh hawa nafsu kemanusiaan yang suka mengingkari perintah Allah Subhanahu wa Ta'ala.

¹⁵ Abu Ja'far Muhammad bin Jarir Ath-Thabari, *Jami' Al-Bayan Fi Tafsir Al-Qur'an Li Ath-Thabari*, Dar Hijr, Juz 23, hlm. 42.

Islam adalah sebagai agama anutan rajanya dan pembesar-pembesarnya serta majoriti rakyat dan penduduknya. Sejak kemasukan Islam, Brunei semakin ketara sebagai Negara Melayu berpemerintahan beraja dengan sistem sosial dan politiknya kuat dipengaruhi oleh ajaran agama Islam. Itulah yang menjadikannya dimasyhurkan untuk selama-lamanya kekal sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja sewaktu ia mengambil alih semula tanggungjawab penuh antarabangsa sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka pada 1 Januari 1984.

Perlembagaan Bertulis Brunei yang pertama tahun 1959 telah memperuntukkan Islam sebagai agama rasmi. Peruntukan tersebut kekal disebutkan dalam *Dokumen-Dokumen Perlembagaan 1984* sewaktu perlembagaan itu dipinda. Kerasmian Islam itu bagi Brunei jelas dilihat dan diamalkan. Ia dilembagakan dalam pemerintahan dan adat istiadat serta dianuti dan diamalkan oleh raja, pembesar-pembesar dan rakyat. Ajarannya disebabkan menerusi pendidikan formal dan non formal, melalui fatwa dan irsyad, melalui dakwah dan tabligh serta menerusi institusi pentadbiran, pendidikan dan media massa.

Pegangan kepada Islam sebagai agama anutan dan amalan itu terus menerus diketarkan dengan menghormati dan memartabatkan syi'ar-syi'arnya. Itulah yang dilihat apabila hari-hari kebesaran dan keraianya disambut di peringkat negara dan masyarakat, bilangan masjid-masjid terus bertambah menandakan peningkatan keramaian jemaah.

Satu lagi faktor penting tentang keislaman Brunei ialah aspek penghayatannya yang berdasarkan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah mazhab Syafi'e. Ia mempengaruhi Brunei serta rakyatnya dan sekaligus membentuk sikap serta pembawaan beragama yang sederhana, kukuh dan mantap. Bukti yang terang mengenai hal ini ialah penolakan terhadap ajaran-ajaran songsang atau sesat bukan sahaja oleh masyarakat umum bahkan dilakukan dalam peringkat rasmi oleh kerajaan dengan kawalan dan penguatkuasaan undang-undang.¹⁶

Kesimpulannya, ketiga-tiga fakta yang disebutkan di atas dapat digunakan sebagai kayu ukur terhadap keislaman Brunei. Pertama ialah penerimaan Brunei terhadap Islam, iaitu agama yang diredhai Allah yang ajarannya disampaikan menerusi RasulNya Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam, menjadi anutan raja dan pembesar-pembesar negara serta majoriti rakyatnya. Kedua, pengamalan dan penyebaran ajaran-ajaran Islam dengan menghormati serta memartabatkan syi'arnya. Ketiga, melembagakan Islam ke dalam sistem pemerintahan, adat istiadat dan kemasyarakatan.¹⁷ Kesemuanya adalah menandakan betapa Brunei sangat-sangat mengharapkan dan menagih

¹⁶ *Negara Zikir: Memahami Keperluan Wujudnya Dan Menyuburkan Ciri-Cirinya*, oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, terkandung dalam buku *Negara Zikir Azam, Keperluan Dan Perlaksanaan*, (Himpunan Kertas kerja Seminar Negara Zikir, Majlis Ilmu 2008), Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, cetakan pertama, 2010, hlm. 70-71.

¹⁷ *Negara Zikir Azam, Keperluan Dan Perlaksanaan (Negara Zikir: Memahami Keperluan Wujudnya Dan Menyuburkan Ciri-Cirinya)*, hlm. 71.

keberkatan dari Allah dan Alhamdulillah berkat Brunei sebagai sebuah negara Islam dengan penghayatan dan pengamalan dalam semua aspek, Negara Brunei Darussalam terus menerus – *insyaAllah* – membangun dan merancang kemajuan yang berterusan dalam keadaan ia aman tenteram dengan wujudnya kestabilan politik hasil daripada rezeki pendapatan minyak dan gas yang dilaburkan oleh kerajaan dalam program pembangunan infrastruktur dan kebajikan sosial yang meluas.

Allah berfirman:

فَلْيَعْبُدُوا رَبًّا هَذَا الْبَيْتُ (٣) الَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِنْ جُوعٍ وَآمَنَهُمْ مِنْ خُوفٍ (سورة قريش، الآية: 4-3)

Tafsirnya: "Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan yang menguasai rumah (Kaabah) ini. Yang memberi mereka makanan (menghilangkan) dari kelaparan, dan mengamankan mereka dari ketakutan".

Berdasarkan ayat ini, dua faktor yang penting yang perlu ada dalam sesebuah negara dan masyarakat Islam adalah makanan (rezeki) untuk menghilangkan kelaparan (membasmi kemiskinan) dan keamanan. Alhamdulillah inilah yang Negara Brunei Darussalam telah dan sedang malah dengan izin Allah akan terus nikmati. Semua ini wajib dipertahankan, dengan syarat terus kekal menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap, sentiasa beribadat kepada Allah dengan mentauhidkanNya, tunduk patuh kepada-Nya serta menjunjung tinggi segala perintah-perintahNya.

NEGARA ZIKIR NEGARA BERKAT

Negara bermaksud suatu masyarakat yang menduduki kawasan tertentu dan diperintah oleh sebuah kerajaan.¹⁸

Zikir menurut Kamus Dewan bererti perbuatan mengingati Allah dengan menyebut kalimah seperti astaghfirullah, Allahu Akbar, sama ada dengan lidah (zikir jali / jahri), atau dalam hati (zikir sirri / khafi).¹⁹

Allah Ta'ala berfirman:

فَادْكُرُونِي أَدْكُرْكُمْ (سورة البقرة، الآية: 152)

Tafsirnya: "Oleh itu, ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), supaya Aku ingat (pula) kepada kamu (membalas kamu dengan kebaikan)".

Orang yang sentiasa ingat kepada Allah adalah ciri-ciri orang yang beriman dan bertaqwa.

¹⁸ Kamus Dewan, edisi ketiga, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2002, him. 924.

¹⁹ Ibid. hlm. 1558.

Dapat disimpulkan bahawa zikir itu tidak terbatas kepada maknanya yang biasa difahami iaitu sebagai perbuatan mengingati Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan lisan semata-mata. Bahkan ruang lingkupnya meliputi berbagai bentuk ingat kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala seperti berdoa, bersyukur, memujiNya, melakukan ketaatan kepadaNya dan memperjuangkan hak-hakNya.

Menurut buku **Warga Perkhidmatan Awam Penggerak Negara Zikir**, Negara Zikir bermaksud sebuah negara Islam yang masyarakatnya sentiasa ingat dan taat kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Lidah mereka sentiasa basah menyebut nama-nama Allah dan memuji-mujiNya, mereka sentiasa memanjatkan doa dan kesyukuran kepadaNya, melakukan perkara-perkara kebaikan dan meninggalkan perkara-perkara yang dilarang, menegakkan syari'atNya dan segala tindak-tanduk mereka tidak lupa kepada Allah. Mereka menjadikan ajaran Islam sebagai cara hidup mereka dan sentiasa saling nasihat-menasihi ke arah melakukan perkara-perkara ketaatan.²⁰

Masyarakat yang sentiasa berzikir itu dapat menghasilkan sebuah negara yang baik, diberkati, penuh keamanan dan mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Ta'ala dalam Surah Saba', ayat 15:

بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّهُ عَفُورٌ

Tafsirnya: "(Negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan Yang Maha Pengampun".

Dalam kitab Tafsir *Fi Zhilal Al-Qur'an* karangan Asy-Syahid Quthub menjelaskan bahawa maksud بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ ialah negeri yang mendapat nikmat kemakmuran di bumi dan mendapat keampunan dari langit.²¹

Ungkapan kata Negara Zikir adalah petikan daripada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena 'Idul Adha 1428 Hijrah bersamaan dengan 2007 Masihi. Baginda bertitah menyatakan keazaman untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

"Beta, insya Allah akan terus berazam untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir yang sentiasa mengagungkan Allah, supaya kita selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaan-Nya, sesuai dengan janji-Nya di dalam Surah al-Baqarah ayat 152, tafsirnya: Kamu ingati aku, nescaya Aku akan mengingati kamu pula".

²⁰ **Warga Perkhidmatan Awam Penggerak Negara Zikir**, cetakan pertama, 2009, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, m.s 3.

²¹ Asy-Syahid Quthub, *Fi Zhilal Al-Qur'an*, Beirut, Juz 6, hlm. 640.

Dalam Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Awal Tahun Hijrah 1433, Baginda telah mengulangi lagi keazaman Baginda iaitu untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir, antara lain titah Baginda:

"Kerana itu, azam beta adalah semakin kuat, untuk menjadikan Brunei Darussalam ini benar-benar sebuah Negara Zikir yang mendaulatkan hukum dan undang-undang syariat Allah di dalamnya, dengan akhlak mulia menjadi pakaiannya, di samping juga pandai menghormati jiran dan ikhlas menghulurkan tangan kepada semua sahabat dan rakan di seluruh jagat".

Alhamdulillah, rakyat Negara Brunei Darussalam rasa bertuah dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah mengurniakan seorang raja yang mempunyai keazaman dan harapan yang begitu mulia, iaitu untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara zikir, ini tidak lain tidak bukan ialah semata-mata mengharapkan keberkatan, keselamatan, keamanan dan pemeliharaan Allah yang berterusan. Biarpun Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang kecil, namun tetap dan sentiasa membesarakan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Menurut Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, dipercayai bahawa maksud Baginda *"berazam untuk menjadikan Brunei sebuah negara zikir"* tidak bertujuan menafikan kenyataan seperti yang Baginda sendiri tegaskan bahawa *"Brunei sentiasa berhias dengan zikir dan menjadikannya sebagai rutin kebiasaan"*. Malah dipercayai juga bahawa Baginda tidak bermaksud menyatakan Brunei baru saja atau sedang menuju Negara Zikir itu. Sebaliknya azam Baginda itu difahamkan bertujuan untuk menekankan bahawa Brunei mempunyai sifat dan ciri-ciri sebagai Negara Zikir. Dalam makna ia telah dan terus menerus meletakkan dirinya dalam keadaan mengingati Allah seperti pada ketika memasyhurkan perlembagaan, ketika memasyhurkan kemerdekaan dan ketika setiap tahun menyambut Hari Kebangsaan dan Hari Keputeraan Baginda di samping mengingati Allah serentak dengan menyebutkan lafaz-lafaz zikir tertentu sebagai sebahagian ibadat dan mentaatiNya dengan mematuhi perintah serta laranganNya dalam kehidupan biasa, seharian dan kehidupan bermasyarakat, berbangsa, berkerajaan dan bernegara.²²

Balasan Kerana Lalai Dari Mengingati Allah

Al-Qur'an ada merakamkan bahawa pernah ada sebuah negeri yang aman damai dengan dikurniakan rezeki yang melimpah ruah, kemudian penduduknya kufur terhadap nikmat Allah akibat daripada lalai mengingati Allah (tiada zikir).

Firman Allah Ta'ala:

²² Negara Zikir Azam, Keperluan Dan Perlaksanaan (*Negara Zikir: Memahami Keperluan Wujudnya Dan Menyuburkan Ciri-Cirinya*), hlm. 85.

لَقَدْ كَانَ لِسَيِّئَاتِهِمْ أَيْةً جَنَاحِينَ عَنْ بَعْيَنِ وَشَاهِلٍ كُلُّوْ مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَاسْكُرُوا لَهُ بَلْدَةً طَيِّبَةً وَرَبِّ
عَفْوَرْ * فَأَعْرَضُوا فَأَرَسْلَنَا عَلَيْهِمْ سَيْلَ الْعَرِمِ وَبَدَلْنَاهُمْ بِجَنَاحِينِ دَوَائِيْ أُكْلِ حَمْطَهُ وَأَتْلِ وَشَنِيْهُ مِنْ
سِدْرٍ قَلِيلٍ * ذَلِكَ جَرَيْنَاهُمْ إِمَّا كَفَرُوا وَهُنْ بُخَارِيْ إِلَّا الْكُفُورُ. (سُورَةُ سَبَا : ١٥ - ١٧).

Tafsirnya: "Sesungguhnya bagi kaum Saba' ada tanda (kekuasaan Tuhan) di tempat kediaman mereka iaitu dua buah kebun di sebelah kanan dan di sebelah kiri. (Kepada mereka dikatakan): "Makanlah olehmu dari rezeki yang (dianugerahkan) Tuhanmu dan bersyukurlah kamu kepada-Nya. (Negerimu) adalah negeri yang baik dan (Tuhanmu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun". Tetapi mereka berpaling, maka Kami datangkan kepada mereka banjir yang besar dan Kami ganti kedua kebun mereka dengan dua kebun yang ditumbuhinya (pohon-pohon) yang berbuah pahit, pohon Atsl dan sedikit dari pohon Sidr. Demikianlah Kami memberi balasan kepada mereka karena kekufuran mereka. Dan Kami tidak menjatuhkan azab (yang demikian itu), melainkan hanya kepada orang-orang yang sangat kufur".

Keberkatan Zikrullah Menjadi Penyelamat

Sesungguhnya keselamatan yang hakiki dan mutlak itu hanya datangnya dari Allah Subhanahu Wata'la, kita hanya mampu berusaha, namun Allah-lah Yang Maha Penyelamat, dariNya-lah keselamatan dan kepadaNya-lah juga kembalinya keselamatan. Sepertimana yang sering kita lafazkan:

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ وَإِلَيْكَ يَعُودُ السَّلَامُ

Maksudnya: "Ya Allah ya Tuhan kami, Engkau-lah Maha Penyelamat, dariMu-lah keselamatan dan kepadaMu-lah kembalinya keselamatan".

Mari kita sama-sama renungi sebuah kisah yang berlaku kepada seorang sahabat Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam mengenai dengan kehebatan dan keberkatan zikrullah, mampu menghindarkan musibah.

Pada satu hari, orang ramai mendatangi Abu Darda dan menyampaikan khabar bahawa rumahnya terbakar, kerana pada ketika itu kampung Abu Darda dilanda musibah kebakaran. Namun Abu Darda mengatakan dengan penuh keyakinan, bahawa rumahnya tidak terbakar. Lalu orang ramai pergi untuk memastikan apa yang dikatakan oleh Abu Darda, dengan kuasa Allah, betul! Rumah Abu Darda tidak terbakar, bahkan seolah-olah api takut mahu menghampiri rumah Abu Darda. Beliau ditanya orang tentang apakah amalannya sehingga rumahnya terselamat dari kebakaran ? Maka beliau menjawab: "Aku mendengar Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda: Siapa yang membaca kalimat-kalimat ini di waktu siang atau pun malam, maka dia tidak dapat dimudharatkan oleh sesuatu".

Inilah kalimat-kalimat itu:²³

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، عَلَيْكَ تَوَكِّلُ، وَأَنْتَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، مَا شَاءَ اللَّهُ كَانَ، وَمَا لَمْ يَشأْ لَمْ يَكُنْ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ، أَعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَنَّ اللَّهَ فَذَ أَخْاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِي، وَمِنْ شَرِّ كُلِّ ذَائِبٍ أَنْتَ آخِذُ بِنَا صِبَّيْهَا، إِنَّ رَبِّي عَلَى صِرَاطِ مُسْتَقِيمٍ.

Termasuk dalam pengertian *zikrullah* itu ialah melakukan amalan ketaatan yang ikhlas dilakukan kepadaNya. Amalan yang ikhlas semata-mata kerana mengharapkan keredhaan Allah, juga mampu untuk menyelamatkan kita dari sebarang musibah dan malapetaka

Kita bawakan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dari sahabat Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam yang bernama Abdullah bin Umar Radhiallahu 'Anhuma, Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam menceritakan nasib malang yang menimpa tiga orang lelaki dalam perjalanan di zaman dahulu. Mereka ditimpak hujan lebat yang turun sangat deras, dan masing-masing mereka mencari tempat berteduh untuk menyelamatkan diri. Akhirnya mereka menjumpai gua di lereng bukit yang letaknya sangat terpencil. Seorang demi seorang masuk ke dalam gua itu, dengan tidak mengenali antara satu sama lain pada mulanya, tetapi akhirnya menjadi sahabat karib yang senasib. Kemudian gua yang mereka masuki itu runtuh, sehingga tertutup laluan tempat mereka masuk, dan mereka dalam gelap gelita tanpa cahaya.

Inilah permulaan cerita yang disebutkan oleh Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam yang dikenal dengan nama "Kisah manusia yang terkurung dalam gua".

Seorang di antara mereka berkata: "Demi Tuhan! Tidaklah mungkin kita terlepas dari bencana ini, kalau tidak dengan kejujuran. Marilah masing-masing memohon kepada Tuhan dengan amal yang diketahuinya bahawa dia benar-benar ikhlas mengerjakannya".

Lelaki Pertama

Lelaki pertama bermohon dengan doanya: "Oh Tuhan! Sebagaimana Engkau mengetahui bahawa aku mempunyai ibu dan bapa yang sudah lanjut usia dan seorang isteri serta beberapa anak kecil yang perlu aku pelihara. Setiap malam aku berikan minuman susu kambing, tetapi pada suatu malam aku terlambat, keduanya sudah tidur, sedangkan keluargaku (anak-anak dan isteriku) meminta supaya susu itu diberikan kepada mereka saja. Aku tidak mahu memberikannya sebelum ibu bapaku meminumnya, tetapi aku tidak pula mahu menganggu tidur mereka yang nyenyak, sehingga aku menunggu sampai

²³ Abu Al-Qasim Ismail bin Muhammad bin Al-Fadhl Al-Ashbahani, *At-Targhib wa At-Tarhib*, Dar Al-Hadith, Al-Qahirah, 1414H/1993M, Juz 1, hlm. 233. Suaiman bin Ahmad Ath-Thabarani Abu Al-Qasim, *Ad-Du'a Li Ath-Thabarani*, 1413H, hlm. 128-129.

pagi barulah mereka terbangun. Oh Tuhan! Engkau mengetahui bahawa andainya aku melakukan demikian kerana semata-mata mencari keredhaanMu, maka mohonlah bukakan kembali timbunan batu yang menutup pintu gua ini". Maka mulailah bergeser batu-batu penutup gua itu, namun masih belum dapat keluar.

Lelaki Kedua

Lelaki kedua pula bermohon dengan doanya: "Oh Tuhan! Engkau tentu mengetahui bahawa aku mempunyai seorang gadis pujaan, iaitu anak bapa saudaraku yang sangat aku cintai. Berkali-kali aku merayu dan memujuknya supaya mahu menyerahkan kehormatannya, tetapi dia tetap menolak, dan akhirnya dia terpaksa, lalu meminta wang seratus dinar. Aku berusaha mencari wang yang dimintanya itu sehingga akhirnya aku mendapatkannya dan aku berikan wang itu kepadanya. Dengan hati berat dia menyerahkan diri. Manakala aku sudah berada di atas badannya, tinggal akan melakukannya, masih terluah ucapan dari mulutnya: "Takutlah kepada Allah, janganlah engkau membuka "cincin" (merosakkan kehormatan gadis) melainkan dengan jalan yang hak!". Mendengarkan katanya itu aku tersedar kembali, lalu aku berdiri dan pergi dengan meninggalkan wang seratus dinar untuknya. "Oh Tuhan! Engkau tentu mengetahui bahawa aku berbuat demikian kerana semata-mata mencari keredhaanMu, maka mohonlah bukakan kembali timbunan batu pintu gua ini". Tanah pun lungsur lagi ke bawah, sehingga nampak langit, namun masih tidak dapat keluar.

Lelaki Ketiga

Lelaki ketiga dan terakhir pula bermohon dengan doanya: "Oh Tuhan! Sesungguhnya Engkau mengetahui bahawa aku mempunyai seorang pekerja yang bekerja di dalam perusahaan makananku iaitu gandum. Kerana suatu hajat, dia pergi meninggalkan pekerjaannya (agak lama waktunya). Timbullah hasratku untuk memperbanyakkan upah gandum yang menjadi bahagiannya dengan menanamnya. Tanaman itu berkembang subur, maka aku belikan haiwan ternakan yang berkembang biak sekaligus pengembalanya. Akhirnya pekerja itu datang kembali dan meminta gajinya yang masih ketinggalan, dia berkata: Takutlah engkau kepada Allah dan jangan engkau menzalimi hak saya!" Lalu aku menunjuk kepada haiwan ternakan dan berkata kepadanya: "Upahmu sudah berkembang menjadi haiwan ternakan. Dia berkata: "Takutlah kepada Allah, jangan saya dipermain-mainkan!" Aku menjawab: "Saya tidak mempermains-mainkan engkau, engkau ambillah (haiwan ternakan) berserta pengembalanya sekali, kerana semua itu adalah milikmu". Dengan gembira dan mengucapkan terima kasih dibawanya haiwan ternakan itu pergi. "Oh Tuhan! Engkau mengetahui bahawa andainya aku melakukan demikian itu adalah kerana semata-mata mencari keredhaanMu, maka mohonlah bukakan bahagian batu yang masih menutup pintu gua ini". Maka (dengan kudrat iradat Allah) semua tutupan terbuka dan ketiga-tiga lelaki itu selamat dengan riang gembira".

Demikianlah betapa hebatnya zikirullah, betapa hebatnya mengingati Allah, sama ada dengan lisan mahupun dengan amal perbuatan mampu menyelamatkan dari sebarang musibah dan malapetaka.

PENDIDIKAN ISLAM MENJANA KEBERKATAN

Disebutkan sebelum ini bahawa syarat untuk memperolehi keberkatan yang dilimpahkan oleh Allah itu adalah berdasarkan kepada sikap penduduk sesebuah negara yang beriman dan bertaqwa. Iman dan taqwa itu tidak akan dapat dicapai dan tidak akan dapat membawa hasilnya bagi seseorang muslim itu melainkan jika ianya disertai dengan ilmu akan agama Allah bagi tujuan untuk mengetahui bagaimana memiliki keimanan yang mantap dan memiliki sifat taqwa kepada Allah 'Azza Wajalla, kerana orang yang jahil itu tidak mengetahui apa yang wajib mereka imani, apa yang boleh merosakkan keimanan serta tidak mengetahui apa yang wajib ke atas mereka melakukannya dan apa yang wajib ke atas mereka meninggalkannya. Semua ini akan tercapai melalui pendidikan Islam yang menyeluruh.

Pendidikan Islam itu merupakan sesuatu yang dapat digunakan sebagai cara ataupun tujuan bagi menerapkan unsur-unsur sosial umat Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah untuk menuju kesempurnaan hidup manusia hingga mencapai insan kamil yang bertujuan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wa Taala dan bagi memperoleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat kelak. Pencapaian kesempurnaan hidup melalui proses pendidikan ini juga merupakan tujuan dari pendidikan Islam itu sendiri.

Ahli cerdik pandai Islam dalam membentuk tujuan pendidikan Islam berpegang kepada Firman Allah Ta'ala:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةِ وَالْإِنْسَانَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ (الذريات: 56)

Tafsirnya: "Aku tidak menciptakan jin dan manusia itu melainkan semata-mata untuk memperhambakan diri kepada-Ku". (Adz-Zariyat: 56)

Matlamat yang ingin dicapai oleh Islam dalam pendidikan ialah melahirkan *Al-Insan As-Soleh* (الإنسان الصالح), yang akan membentuk *Al-Mujtama' As-Soleh* (المجتمع الصالح).

Konsep Ilmu Dalam Islam

Di dalam Islam, Ilmu terbahagi kepada dua, iaitu: Ilmu yang bersifat Fardhu 'Ain dan ilmu yang bersifat Fardhu Kifayah. Ilmu Fardhu 'Ain adalah ilmu-ilmu yang berkaitan dengan asas kehidupan sebagai seorang Islam yang berhubungkait dengan aqidah, syari'ah dan akhlak. Ilmu Fardhu 'Ain ini adalah wajib ke atas setiap individu untuk mempelajarinya. Ilmu Fardhu Kifayah ialah ilmu-ilmu yang bersifat umum atau pun ilmu pengetahuan umum yang memberi manfaat kepada orang yang mempelajarinya. Ilmu Fardhu Kifayah bukan

semata-mata wajib ke atas setiap individu, tetapi wajib ke atas sebahagian sahaja daripada kita, seperti: ilmu metamatik, ilmu kedoktoran / perubatan atau seumpamanya.

Menuntut ilmu dalam Islam tidak terpisah dari motif bagi menjadikan seseorang itu seorang Muslim yang bertaqwa, berakhhlak mulia yang mendatangkan manfaat bagi masyarakat sekelilingnya. Maka sebab itu, Islam tidak pernah menyisihkan ilmu-ilmu yang berhubungkait dengan perubatan, sains, sastera, politik, matematik, sejarah, ekonomi, kejuteraan, pengurusan dan sebagainya dan menganggap ianya sebagai ilmu dunia dan seolah-olah tidak ada hubungkaitnya dengan agama. Sebenarnya, semua ilmu yang berbentuk sebegini adalah dikategorikan sebagai ilmu fardhu kifayah dan termasuk dalam ilmu nafie' علم نافع (ilmu yang bermanfaat) yang dituntut oleh Islam untuk mempelajarinya bahkan disarankan untuk menguasainya, kerana sepertimana yang dijelaskan oleh Imam Al-Ghazali, ilmu sebegini diperlukan untuk kepentingan umat Islam di bidang kebendaan dan lain-lain, bagi mencapai kesempurnaan, keselesaan dan keamanan hidup umat Islam. Walau bagaimanapun, ilmu fardhu 'ain janganlah diabaikan, ianya perlu diberikan keutamaan, dipelajari, dihayati dan diamalkan, kerana ianya bertujuan untuk melahirkan muslim yang soleh yang akan berjaya di dalam melaksanakan tugas dan peranannya sebagai khalifah Allah pemakmur bumi ini.²⁴

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam Surah Hud ayat 61:

هُوَ أَنْشَأَكُمْ مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا

Tafsirnya: "Dia telah menjadikan kamu dari tanah dan kamu dituntut supaya memakmurkan / membangunkannya".

Pendidikan Islam Di Negara Brunei Darussalam

Dalam pendidikan formal, pengajaran dan pembelajaran ugama diterapkan menerusi sistem persekolahan ugama selama 7 tahun iaitu bermula dari kelas Pra hingga darjah VI. Penerapan pendidikan ugama itu berkisar kepada tiga asas utama iaitu aqidah, syariah dan akhlak. Ketiga-tiga asas pokok ini merupakan landasan menuju ke arah kesempurnaan insan bagi mencapai keredhaan Allah di dunia dan akhirat. Keutamaan peringkat awal pendidikan ialah pengukuhan aqidah, bimbingan dan latihan ke arah mengamalkan dan menghayati fardhu ain.

Bagi mengukuhkan dan memantapkan lagi pendidikan ugama di kalangan murid-murid sekolah ugama, mata pelajaran Bahasa Arab mula diperkenalkan di sekolah-sekolah ugama bermula pada tahun ini dan perlaksanaannya bagi peringkat pertama disasarkan kepada murid kelas Pra dan darjah I. Selain Bahasa Arab, Program Insyirah juga diperkenalkan iaitu program pengintergrasian ilmu ugama kepada penghayatan berugama melalui sistem

²⁴ Al-Ghazali, *Ihya Ulumiddin*, Juz 1, hlm. 25-26.

pembelajaran. Ianya bertujuan mendokong pendidikan formal dan memberi nilai tambah kepada pengetahuan sedia ada murid. Program disasarkan bagi murid-murid kelas Pra, Darjah I, II dan III. Terdapat empat (4) komponen pembelajaran diperkenalkan melalui Program ini iaitu Asuhan Budi, Warisan Kita, Bimbingan Bahasa dan Hafazan.

Di samping itu, penggunaan tulisan Jawi juga sangat dititikberatkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran dalam menguasai jawi berkait rapat dengan pendidikan ugama, oleh kerana itu usaha bagi menguatkan asas jawi dilaksanakan bermula dari kelas pra lagi dan diteruskan hingga ke darjah IV agar murid-murid dapat menguasai kemahiran jawi dan seterusnya menyumbang ke arah mengekalkan penggunaan tulisan jawi agar terus hidup dan subur di kalangan generasi bangsa, ugama dan negara.

Seterusnya pendidikan ugama diperkuuhkan lagi dengan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam di peringkat sekolah rendah, menengah, pra universiti, teknikal dan vokasional di bawah kawalan Kementerian Pendidikan. Kesinambungan pendidikan ugama juga diteruskan di peringkat pengajian tinggi. Mercu kegemilangan Pendidikan Islam di Negara ini dapat dilihat melalui penubuhan sekolah-sekolah ugama, sekolah-sekolah Arab, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan yang pada masa ini dikenali dengan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Bagi masyarakat awam, pendidikan ugama disalurkan melalui Kelas Bimbingan Ugama, bengkel-bengkel dan kursus-kursus dan diperkasakan lagi dengan penubuhan kumpulan Belia Masjid dan Muslimah Masjid. Pengukuhkan kefahaman Islam juga disalurkan menerusi pendidikan yang diberikan melalui saluran media elektronik dan media cetak.

Pendidikan Ugama juga diberikan kepada saudara-saudara baru menerusi bimbining-bimbining yang diberikan secara berperingkat-peringkat bagi memastikan mereka dapat menghayati ajaran Islam dengan lebih baik dan berkesan.²⁵

Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012

Keazaman kerajaan lebih menonjol dan terserlah lagi apabila "Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012" diperkenalkan. Ini bererti, tidak ada lagi kanak-kanak Islam di Negara Brunei Darussalam ini yang akan tercicir dari memahami dan mengetahui ilmu asas pendidikan Islam. Tidak akan ada bagi orang yang tidak pandai sembahyang dan membaca al-Qur'an.

²⁵ Yang Berhormat, Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama. Kertas Perdana Konvensyen Pendidikan Islam 2011. Pada Hari Rabu, Bersamaan 04 Muharram 1432H Bersamaan 30 November 2011M. Bertempat Di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Menurut Perintah berkenaan kanak-kanak Islam yang berumur 7 tahun atau yang belum lagi mencapai 15 tahun wajib didaftarkan untuk bersekolah agama. Perintah itu memperuntukkan;

"5. (1) Tiap-tiap ibu bapa hendaklah, jika anaknya adalah seorang kanak-kanak yang berumur wajib bersekolah agama pada satu haribulan Januari dalam tahun bersekolah semasa, memastikan bahawa anaknya itu didaftarkan sebagai seorang murid di sebuah sekolah agama pada tahun itu dan terus menjadi seorang murid bagi tempoh pendidikan agama wajib"

(2) Ibu bapa yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Menurut Menteri Hal Ehwal Ugama, Perintah itu merupakan satu kejayaan besar yang telah dicapai oleh negara ini dalam sejarah pendidikan agama sejak persekolahan agama secara bersistem ditubuhkan pada tahun 1956. Dengan penguatkuasaan perintah ini sekolah-sekolah swasta turut mendukung dan mengambil inisiatif sendiri menyediakan kelas-kelas agama di sekolah masing-masing bagi memenuhi keperluan pelajar yang beragama Islam. Ternyata landasan ini telah dapat menyediakan semaian yang indah dan subur untuk umat Islam dan seluruh penduduk di negara ini di mana masyarakat Islam dan bukan Islam dapat hidup dalam aman, bersatu padu dan saling bertautan (harmoni) antara rakyat dengan pemimpin, dan pemimpin dengan rakyat.²⁶

Begitu juga bagi persekolahan semasa, kanak-kanak yang berumur 6 tahun atau yang belum mencapai umur 15 tahun, wajib didaftarkan untuk bersekolah berdasarkan peruntukan di bawah "Perintah Pendidikan Wajib 2007" (Compulsory Education Order 2007).

Hasil penerapan pendidikan Islam kepada setiap ahli masyarakat yang merangkumi sistem persekolahan agama, bermula daripada peringkat rendah hingga ke peringkat universiti merupakan strategi penting bagi memantapkan gagasan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir. Kekuatan dan kemantapan Negara Zikir bergantung kepada setakat mana individu dan masyarakat memahami, menghayati dan mengamalkan ajaran Islam dengan baik dan berkesan. Ini tidak syak lagi akan mampu melahirkan insan yang beriman dan bertaqwa.

MENAGIH KEBERKATAN DENGAN PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG ALLAH

Taqwa yang selalu digunakan ialah takut kepada Allah dengan melaksanakan segala yang wajib dan meninggalkan segala yang haram, sifat ini hanya akan lahir dari orang yang benar-benar beriman. Orang yang beriman dan bertaqwa akan berusaha menunaikan segala amanah yang dipikulnya dengan sebaik-baiknya, kerana dia tahu dan yakin setiap jiwa yang hidup pasti akan

²⁶ Yang Berhormat, Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, Teks Ucapan ketika mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Ugama Tanjong Maya, Daerah Tutong pada 12 Januari 2013.

menghadapi kematian, dan sekalian umat manusia akan dibangkitkan semula di kemudian hari kelak untuk menghadap Allah 'Azza Wajalla bagi diperhitungkan segala amal perbuatannya ketika hidup di dunia, segalanya pasti akan dipertanggungjawabkan.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman:

وَلَئِنْ سَأَلْتُمْ عَمَّا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ (سورة النحل، الآية: 93)

Tafsirnya: "Dan sesungguhnya kamu akan ditanya tentang apa yang telah kamu kerjakan" ..

Cuba kita perhatikan kisah ini, Sayyidina Umar al-Khattab yang pernah memerintah selama 10 tahun 6 bulan dan 6 hari dan berjaya menundukkan dua kerajaan besar, timur dan barat: kerajaan Rom dan Parsi, pernah suatu hari menangis sambil berkata:

وَاللَّهِ! لَوْ عَرَثْتُ بَعْلَةً فِي الْعِرَاقِ، لَسَأَلَنِي اللَّهُ: لَمْ تُصْلِحْ لَهَا الطَّرِيقَ يَا عُمَرْ؟

Ertinya: "Demi Allah! Jika seekor baghal – binatang kacukan antara keldai dan kuda – terjatuh di Iraq kerana jalannya yang berlopak-lopak, nescaya Allah akan tanya saya: "Mengapakah tidak engkau perbaiki jalan itu, wahai Umar?"

Baghal di Iraq, bukan baghal di Kota Madinah – Pusat pentadbiran kerajaan Sayyidina Umar – Jalan di Iraq, bukan jalan di Madinah, itu pun masih saja merisaukan Sayyidina Umar, membuatnya takut ditanya oleh Allah tentang tanggungjawabnya sebagai pemimpin, kerana apa? Kerana Iraq pada masa itu adalah di bawah kekuasaan Islam, di bawah pentadbiran Amirul Mu'minin, Sayyidina Umar Al-Khattab Radhiallahu 'Anhu.²⁷

Ini semuanya berpunca dari iman dan taqwa. Tanpa iman dan taqwa, tidak akan menitis air mata Sayyidina Umar, tidak akan muncul ingatannya tentang tanggungjawab di hadapan Allah, apatah lagi masalahnya hanya sekadar seekor binatang baghal.

Jika diperhatikan apa yang berlaku terhadap Sayyidina Umar yang memiliki keimanan dan ketaqwaan sehingga menitis air mata kerana rasa ketakutan akan disoal tentang tanggungjawab yang diamanahkan di hadapan Allah di kemudian hari, maka alhamdulillah Negara Brunei Darussalam beruntung memiliki seorang *Wali al-Amri* yang memiliki ciri-ciri orang yang beriman dan bertaqwa yang memiliki rasa keinsafan diri dan tanggungjawab, bukan saja pada diri Baginda sendiri, malah juga terhadap rakyat yang bernaung di bawah pemerintahan Baginda, bertitik tolak dari semua ini serta dengan

²⁷ Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, *Masyarakat Beraqidah*, terkandung di dalam buku *Menjana Masyarakat Beraqidah, Aqidah Kukuh Membawa Berkat*, (Himpunan Kertas kerja Seminar Motivasi Masyarakat Beraqidah, Majlis Ilmu 2007), Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, cetakan pertama, 2008, hlm. 111.

tujuan memohon keberkatan dan keselamatan maka "Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013" diperkenalkan, namun penguatkuasaan Perintah ini dilaksanakan secara berperingkat (berfasa). Perintah ini telah diperkenangkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan sebagaimana titah baginda:

"Bersukut dengan 66 tahun keputeraan beta ini, dengan segala kesyukuran, yang akan melepaskan kita semua terutama Raja, dari dituntut oleh Allah Ta'ala pada Hari Kandila kelak, maka beta dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Pemurah, setelah meneliti dan mendapat nasihat daripada badan yang berkenaan, suka cita memaklumkan bahawa beta telah memperkenankan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah untuk dilaksanakan di negara ini, namun dalam pada itu, peruntukan sivil atau ta'zir atau seakan-akan ta'zir akan terus juga diguna pakai mengikut keperluan"²⁸

Ia amat menggetarkan dengan pernyataan keyakinan dari seorang raja bahawa pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Syar'iah itu adalah "akan melepaskan kita semua terutama raja, dari dituntut oleh Allah pada hari kandila nanti". Setentunya hal itu, segera mengingatkan kita kepada penyifatan yang dibuat oleh Allah Subhanahu Wata'ala terhadap "Siapa-siapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah." - orang-orang itu sama ada kafir atau fasik atau zalim (Al-Qur'an Surah Al Maaidah ayat 44, 45 dan 47).

Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah 2013

Perintah Kanun Jenayah Syari'ah mula digazetkan pada 23 Oktober 2013. Ia mula dikuatkuasakan pada hari Khamis, 01 Rejab 1435H bersamaan 01 Mei 2014. Pengisytiharan penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah ini diumumkan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Dengan pewartaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah 2013 ini, Negara Brunei Darussalam melakar sejarah besar dalam mengangkat undang-undang jenayah syari'ah. Aspirasi KDYMM Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mentadbir negara menurut calak Islam telah sekian lama sebatی dalam sistem kenegaraan di Brunei yang mengamalkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Perlaksanaan undang-undang dibuat dengan sangat berhati-hati dan teliti, khususnya bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai kandungan dan hikmah atau manfaat di sebalik kesalahan-kesalahan yang diperuntukan.

²⁸ Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman sempena perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang ke-66 tahun pada 15 Julai 2012.

Melalui taklimat-taklimat dan usaha-usaha pemberigaan yang diungkayahkan, masyarakat Islam di Brunei diyakini telah dan boleh menghayati tujuan perwartaan Perintah ini. Seterusnya masyarakat umum dapat memberikan sokongan padu kepada Perintah tersebut berdasarkan keupayaan masing-masing selaras dengan harapan KDYMM Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa mengisyiharkan perwartaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah 2013 tersebut.

Sebenarnya perlaksanaan undang-undang Islam bukan baharu di Negara Brunei Darussalam. Menurut catatan sejarah, ia pernah dijalankan di zaman kegemilangan Islam di Negara Brunei Darussalam beberapa kurun yang lampau, tetapi dengan kedatangan kuasa-kuasa asing maka menjadikan undang-undang Islam itu terbantut lemah dan tidak berkesan.²⁹ Namun dengan izin Allah

²⁹ Sebelum kedatangan Inggeris, undang-undang Islam telah menjadi undang-undang asas dan dasar negara. Undang-undang ini dilaksanakan dan berkuatkuasa di seluruh negara. "Hukum Kanun Brunei" adalah undang-undang bertulis bagi Negara Brunei Darussalam. Setelah diteliti teks hukum kanun tersebut ternyata ia berasaskan undang-undang Islam di samping terdapat juga di dalamnya unsur-unsur undang-undang adat Melayu. Hukum Kanun Brunei telah sempurna dilaksanakan dan dikuatkuasakan pada zaman pemerintahan Sultan Jalilul Akbar. Apabila Inggeris telah mula campur tangan di negara ini dan akhirnya menjadi kuasa penaung negara, maka British telah menyempitkan pelaksanaan undang-undang Islam di Negara Brunei Darussalam yang hanya bersangkut paut dengan undang-undang diri sahaja (personal law) dijalankan, dan dalam masa yang sama Inggeris telah mewujudkan mahkamah sivil yang mempunyai bidang kuasa yang luas dan menyeluruh yang ditadbir dan dikendalikan oleh hakim-hakim Inggeris yang berpengalaman. Hukum Kanun Brunei yang mengandungi 46 pasal itu menjadi landasan dalam sistem pemerintahan.

Hukum Kanun Brunei berlaku hingga tahun 1906M ketika sistem pemerintahan Kesultanan Brunei Darussalam berada di bawah sistem pemerintahan Residen dari Kerajaan Inggeris. Isi kandungan Hukum Kanun Brunei meliputi; Undang-Undang Jenayah Islam yang terdiri dari hudud, qisas dan takzir; Undang-Undang Muamalah yang terdiri dari jual beli, gadai, mudharabah dan amanah; Undang-Undang Tanah seperti pertanian; Undang-Undang Keluarga seperti pernikahan dan perceraian; dan Undang-Undang Pentadbiran Mahkamah, dan Keterangan & Acara. Buku Hukum Kanun Brunei dalam mukaddimahnya menyebutkan bahawa isi kandungan Hukum Kanun adalah adat yang dijunjung tinggi dan diwariskan secara turun temurun. Hukum ini dibuat dengan tujuan sebagai panduan dan teladan bagi para sultan, wazir, cheteria hingga menteri dalam menjalankan pemerintahan untuk kepentingan rakyat. Selain itu, hukum ini juga mengatur tentang hukuman bagi orang-orang yang telah melanggar aturan Kesultanan Brunei.

Fakta sejarah telah membuktikan aturan ini dilaksanakan. Sebagai contoh, kes yang mmenimpa Kapten W.H. Treacher, seorang kapten kapal dari Inggeris telah mengadukan kes pencurian yang terjadi di atas kapalnya sehingga mengakibatkan hilangnya sepucuk pistol dan sebuah jam tangan emas. Sultan Brunei ketika itu telah menerima laporan tersebut dan dengan segera memerintahkan untuk disiasat. Beberapa hari kemudian, jam tangan dan pistol ditemukan bersama 3 orang pelakunya. Lalu para pelakunya itu dihukum potong tangan.

Berdasarkan fakta di atas, adalah bukti bahawa Hukum Kanun Brunei jelas mencerminkan hukum Islam ditegakkan dan dilaksanakan di wilayah Kesultanan Brunei, bahkan menjadi asas dan dasar pemerintahan. Hukum Islam yang dipadukan dengan unsur hukum adat istiadat Melayu sentiasa diwariskan kepada setiap Sultan yang memerintah Brunei sejak zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hasan. Hj Mahmud Saedon A.Othman, *Ke arah Pelaksanaan Undang-Undang Di Negara Brunei Darussalam*, 2002, Jurnal Undang-undang Syariah, UBD & Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, hlm. 3-4. Hajah Noor Hira Binti Haji Noor Kaseh,

Subhanahu wa Ta'ala jua dan dengan semangat dan usaha yang gigih pihak-pihak berkenaan walaupun memakan masa yang agak lama, telah dapat mengambilkan kedudukan perundangan Islam itu di tempat asalnya, untuk dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam.

Perlaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah ini adalah sebagai menjunjung perintah Allah Subhanahu wa Ta'ala, ini juga adalah tanda dan bukti keimanan dan ketaqwaan kepada Allah, yang dengannya akan memperolehi keberkatan. Ianya juga bertujuan bagi memenuhi konsep amar ma'ruf nahi munkar, iaitu menyuruh ke arah kebaikan dan mencegah dari kemungkaran. Allah memberi amaran keras kepada orang-orang Islam yang tidak mencegah kemungkaran yang berlaku di hadapan mereka. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

لَعْنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ نَبِيِّ إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسْانِ دَاؤُودَ وَعِيسَى ابْنِ مُرْمِمٍ ذَلِكَ إِنَّمَا عَصَمُوا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ *
كَانُوا لَا يَتَنَاهُونَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوْهُ لِبْسُنَّ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ. (المائد، الآية: 78-79)

Tafsirnya: "Orang-orang kafir Yahudi dari Bani Israil telah dilaknat (di dalam Kitab-kitab Zabur dan Injil) melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa Ibni Mariam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu menceroboh. "Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan (sesama sendiri) dari perbuatan mungkar (derhaka dan ceroboh), yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah lakukan". (Surah al-Maidah, ayat 78-79)

Satu faktor amat penting untuk mengiktiraf perlaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 terutama ketika berhadapan dengan ketakutan awam dan golongan yang menentang, ialah tahap keberanian yang luar biasa, kepimpinan dan yang terpenting sekali ialah keimanan, itulah yang diperlukan. Sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, kita merasa amat bersyukur kepada Allah Ta'ala kerana Dia telah mengurniakan *hidayah* dan *taufiqNya* kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei, raja yang memerintahkan agar undang-undang Allah ini menjadi perinsip yang memandu Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini.

Oleh yang demikian, perlaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 ini juga adalah bagi menjunjung titah perintah raja iaitu sebagai Ulul Amri, yang mana diperintahkan oleh Allah untuk mentaatinya. Ketaatan kepada Ulul Amri itu adalah sangat penting, ia bertujuan untuk menjunjung tinggi dan taat kepada perintah Allah dan juga RasulNya. Ke arah pembentukan negara yang stabil dan harmoni hanya dapat diasaskan oleh ketaatan kepada Allah, ketaatan kepada RasulNya dan juga Ulul Amri.

Perundangan Islam Di Negara Brunei Darussalam: Sejarah Dan Perkembangannya, him. 7-8.

Di sinilah perpaduan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang tercinta diperlukan, kerana perlu diingat dan difahami bahawa perlaksanaan Perintah tersebut adalah sebagai suatu amanah bertujuan bagi menegakkan keadilan dan memelihara keamanan. Mudah-mudahan dengan tertegaknya keadilan dan terpeliharanya keamanan akan bertambah-tambah lagi kemakmuran Negara Brunei Darussalam. Selain itu untuk mengharapkan keredhaan dan keberkatan daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala juga.

PENUTUP

Sebagai seorang Islam, kita amat-amat mengharapkan keberkatan, kita perlu raih keberkatan itu dan kita usah hirau dan khuatir, dengan izin Allah keberkahan yang dikurniakan oleh Allah kepada kita, akan terus berkekalan sampai bila-bila selama mana iman dan taqwa itu menjadi pakaian kita, kerana berkat itu datang daripada Allah, sedang iman dan taqwa itu adalah kepada Allah.

Sifat taqwa adalah manifestasi dari keimanan yang dimiliki, dan orang yang bertaqwa akan sentiasa berusaha melahirkan segala bentuk amalan dan perbuatan yang bermotifkan kebaikan (amal soleh). Mindanya soleh, pertuturnya soleh, perbuatannya soleh dan niatnya juga soleh. Sesungguhnya bagi hamba-hamba Allah yang beriman dan beramal soleh, ada janji nikmat dari Allah Subhanahu Wata'ala, sesungguhnya Allah itu tidak pernah memungkiri janjiNya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nuur, ayat 55:

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لِيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ
وَلَمْ يَكُنْ لَّهُمْ دِيَنُهُمُ الَّذِي أَرْتَصَى لَهُمْ وَلَيَئِنَّ لَنَّهُمْ مِنْ بَعْدِ خُوفُهُمْ أَنَّا يَعْذِذُونَ لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَنْ
كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْقَاسِقُونَ

Tafsirnya: "Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang soleh bahawa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa (khalifah) di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka berkuasa, dan sungguh Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diredhai-Nya untuk mereka, dan Dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka berada dalam ketakutan menjadi aman sentosa. Mereka tetap menyembah-Ku dengan tiada memperseketukan sesuatu apapun dengan Aku. Dan barangsiapa yang (tetap) kafir sesudah (janji) itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasik."

Dari ayat ini dapatlah diambil pengajaran, iaitu:

Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan kepada umat Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam yang beriman dan beramal soleh bahawa:

Pertama: Allah akan menjadikan mereka sebagai khalifah-khalifah di bumi, yakni mempunyai kerajaan atau pemerintahan, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka sebagai khalifah-khalifah yang berkuasa.

Kedua: Allah akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah direbahinya untuk mereka.

Ketiga: Allah akan melimpahi mereka dengan rahmat keamanan setelah mereka mengalami ketakutan, huru-hara dan ancaman.

Syaratnya: Mereka (umat Nabi Muhammad) hendaklah kekal sebagai umat yang beribadat kepada Allah dengan mentauhidkanNya, tiada mensyirikkan Allah, tunduk patuh kepada-Nya termasuklah dalam berkeluarga, bermasyarakat, berbangsa, berkerajaan dan bernegara.

Inilah janji Allah, nikmat yang tiada ternilai, yang Negara Brunei Darussalam miliki; negara berkerajaan, Raja sebagai pemimpin tertingginya (ulul amri); agama Islam yang terus kukuh dan berkembang dan menjadi agama rasmi negara; dan keamanan, kemakmuran dan keharmonian yang berterusan dan berkekalan. Semua ini kita wajib pertahankan, dengan syarat terus kekal beribadat kepada Allah dengan mentauhidkanNya, tunduk patuh kepada-Nya serta menjunjung tinggi segala perintah-perintahNya.

Kertas ini saya tutup dengan membawa petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Bagi Tahun 1435 Hijrah / 2014 Masihi pada hari Sabtu, 26 Syawal 1435H / 23 Ogos 2014M, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, yang menggambarkan hasrat dan aspirasi yang murni agar Negara Brunei Darussalam sentiasa dikurniakan keberkatan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Antara lain titah Baginda:

"Amalan takwa ini bukan tertentu kepada pergi ke masjid sahaja atau melakukan ibadat di dalamnya, tetapi ia boleh berlaku di mana-mana saja, di rumah atau di luar rumah, di pasar atau di premis-premis. Pendeknya di mana saja, kita adalah dituntut untuk melakukannya sebagai kewajipan dan sebagai bukti kita ini bersyukur.

Pendeknya, apa juar yang kita lakukan boleh saja menjadi amalan takwa, sama ada ia melalui perkhidmatan-perkhidmatan di pejabat atau kita menjadi guru atau menjadi peniaga dan seumpamanya. Jika kita melakukan ini dengan lurus dan amanah, maka tidak syak lagi, ia adalah amalan takwa.

Kita memang berhasrat untuk mengisi kehidupan ini dengan amalan takwa. Kerana kita tahu, kehidupan yang berisi dengan amalan takwa itu adalah yang berkat. Oleh itu beta ingin menekankan, supaya kita semua perlu beroleh berkat: Di dalam kehidupan para belia ada berkat, di dalam kehidupan pelajar-pelajar

ada berkat dan di dalam kehidupan kita semua ada berkat. Pendeknya, dalam membangun pun perlu ada berkat.

Beta yakin jika pembangunan kita berkat, maka tidak ada lagi yang perlu dirisaukan, semuanya itu akan jadi bagus dan berjalan dengan baik. Ekonomi insyaaAllah akan tumbuh dengan pesat dan keamanan serta kesejahteraan juga akan dapat dinikmati berterusan. Ini adalah berdasarkan janji Allah, bahawa berkat itu boleh turun dari langit dan tumbuh dari bumi, apabila penduduk negeri beriman dan bertakwa.

Janganlah diabaikan perkara berkat, ia sangat penting untuk meraih kebahagiaan. Tidaklah cukup kita memiliki aset dari mata benda tanpa berkat menjadi paksinya. Aset yang kosong dari berkat tidak mungkin bertahan lama. Kerana itulah, untuk mendapatkan berkat pada harta, ianya mestilah dizakat. Harta yang dizakat adalah harta yang tumbuh, bukan berkurangan”.

وَاللَّهُ وَلِي التَّوْفِيق

RUJUKAN:

Al-Qur'an.

Abu Al-Fida Ismail bin Umar bin Katsir, *Tafsir Ibnu Katsir*, Dar Thayyibah, 1420/1999.

Abu Al-Qasim Ismail bin Muhammad bin Al-Fadhl Al-Ashbahani, *At-Targhib wa At-Tarhib*, Dar Al-Hadith, Al-Qahirah, 1414H/1993M.

Abu Ja'far Muhammad bin Jarir Ath-Thabari, *Jami' Al-Bayan Fi Tafsir Al-Qur'an Li Ath-Thabari*, Dar Hibr.

Ahmad Mustafa al-Maraghiy, *Tafsir Al-Maraghiy*, Mesir.

Al-'Azim Aabadi, *'Aun Al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud*, Al-Madinah Al-Munawwarah, 1388H/1968M.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, *Ihya Ulumiddin*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, Beirut.

Al-Qurthubi, Abu Abdallah Muhammad bin Ahmad Al-Anshari, *Al-Jami' li Ahkam Al-Qur'an*, Dar Al-Fikr, 1993/1414.

Asy-Syahid Sayyid Quthub, *Fi Zhilal Al-Qur'an*, Beirut

Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, Brunei Darussalam, cetakan pertama, 2003.

Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan*, edisi ketiga, Kuala Lumpur, 2002.

Hajah Noor Hira Binti Haji Noor Kaseh, *Perundangan Islam Di Negara Brunei Darussalam: Sejarah Dan Perkembangannya*, 2014.

Haji Mahmud Saedon A.Othman, *Ke arah Pelaksanaan Undang-Undang Di Negara Brunei Darussalam*, 2002, Jurnal Undang-undang Syariah, UBD & Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Haron Din (Ketua Panel Penulis), *Manusia dan Islam*, Kuala Lumpur, Edisi Khas, 2003.

Ibrahim Mustafa, Ahmad Az-Ziat, Hamid Abdul Qadir, Muhammad An-Najjar, *Al-Mu'jam Al-Wasith*, Dar Ad-Da'wah.

Jabatan Mufti Kerajaan, *Irsyad Hukum 1998*, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, cetakan kedua 2001.

Jabatan Perdana Menteri, *Mendukung Kedaulatan Raja, Raja Berdaulat Negara Berkat Rakyat Selamat*, (Himpunan Kertas kerja Seminar

Mendukung Kedaulatan Raja, Majlis Ilmu 2006), Negara Brunei Darussalam, cetakan pertama, 2007.

Jabatan Perdana Menteri, *Menjana Masyarakat Beraqidah, Aqidah Kukuh Membawa Berkat*, (Himpunan Kertas kerja Seminar Motivasi Masyarakat Beraqidah, Majlis Ilmu 2007), Negara Brunei Darussalam, cetakan pertama, 2008.

Jabatan Perdana Menteri, *Negara Zikir Azam, Keperluan Dan Perlaksanaan*, (Himpunan Kertas kerja Seminar Negara Zikir, Majlis Ilmu 2008), Negara Brunei Darussalam, cetakan pertama, 2010.

Jabatan Perdana Menteri, **Warga Perkhidmatan Awam Penggerak Negara Zikir**, Negara Brunei Darussalam, cetakan pertama, 2009.

M.Quraish Shihab, *Tafsir Al-Mishbah*, Lantera Hati, Jakarta, 2002.

Mustafa Al-Bugha, Mahyuddin Mistu, *Al-Wafi Fi Syarh Al-Arba'in An-Nawawiyyah*, Dar Ibn Katsir, Beirut.

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, *Qanun Jenayah Syar'iah Satu Pengenalan*, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, cetakan pertama, 2013.

Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama. *Kertas Perdana Konvensyen Pendidikan Islam 2011*. Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Pusat Da'wah Islamiah, *Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah (1)*, Negara Brunei Darussalam, 1986.

Sulaiman bin Ahmad Ath-Thabarani Abu Al-Qasim, *Ad-Du'a Li Ath-Thabarani*, 1413H.